

F. Majlis Makan Malam Bersama Tuanku Canselor

DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail dan **DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis** telah berkenaan mencemar duli berangkat ke Majlis Makan Malam Bersama Tuanku Canselor anjuran Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada 24 Januari 2005 lalu.

Majlis Makan Malam bersama Tuanku Canselor tersebut yang diadakan di perkarangan kolam renang Hotel Putra Palace, Kangar antara lain bertujuan untuk memperkenalkan ketua-ketua jabatan KUKUM dan juga anggota baru keluarga universiti kepada Tuanku Canselor. Majlis yang telah disambut dengan penuh sederhana tetapi meriah dengan pelbagai permainan, persembahan nyanyian dan tarian poco-poco itu telah dihadiri oleh lebih 60 orang Ketua-ketua Jabatan, Dekan-dekan dan Timbalan-timbalan Dekan Pusat-pusat Pengajian Kejuruteraan KUKUM.

Di dalam majlis yang sama juga, Tuanku Syed Faizuddin telah perkenaan menyampaikan cek 'mock-up' bernilai RM10,000 dari Institut Bioteknologi Melaka kepada Prof. Dr. Mohd Nor



F/1

Ahmad, Penyelaras Program Kejuruteraan Bioproses dan Kejuruteraan Alam Sekitar, KUKUM di atas kemenangan beliau di dalam Pertandingan Biogenesis Challenge 2003 di Melaka baru-baru ini.